

# **Halangan-halangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Dalam Perlembagaan Malaysia**

**Abdul Aziz Bari**

## **Abstract**

*This essay attempts to highlight some of what is seen as obstacles presented by the constitutional framework in Malaysia that makes the implementation of full-fledged Islamic laws in the country either difficult or impossible. The article argues that it is not something that is inherent in the framework and that it is not insurmountable. The article also argues that part of the so-called obstacles are actually political and thus requires political will to solve. Thus far there have been many instances whereby the constitution has been set aside or amended to make what is desired by the powers that be work; and this strengthens the thesis argued by the author.*

## **Pendahuluan**

Tajuk makalah ini memang sering diperkatakan, sama ada oleh mereka yang mahukan pelaksanaan undang-undang Islam sepenuhnya atau sebaliknya. Apa pun

kelihatannya tajuk di atas memaparkan tanggapan negatif bahawa Perlembagaan Malaysia menghalang pelaksanaan undang-undang jenayah Islam. Bagaimanapun, adakah yang dikatakan sebagai halangan oleh perlembagaan itu satu fakta atau hanya merupakan satu pendapat atau ilusi yang boleh disanggah adalah sesuatu yang perlu dihalusi dengan lebih lanjut.

Walau apa pun, halangan boleh bersifat kekal atau sebaliknya. Dalam soal perlembagaan, kita harus menyedari bahawa ia bukan sesuatu yang mutlak dan tidak boleh diubah. Perlembagaan hanyalah dokumen dasar yang boleh dipinda dan dimansuhkan. Selain itu kita juga harus menyedari bahawa ini tidak semestinya dilakukan kerana perlembagaan juga tertakluk kepada tafsiran. Pendekatan dan metodologi yang berbeza boleh menghasilkan keputusan yang berbeza.

Oleh itu, makalah ini cuba meneliti persoalan di atas dari dua sudut: (a) sudut undang-undang dan (b) sudut politik. Sememangnya kedua-dua aspek ini tidak dapat dipisahkan dari undang-undang perlembagaan kerana ia adalah cabang undang-undang yang menangani masalah kuasa dan kenegaraan dan dengan demikian ia tidak dapat dipisahkan dari politik. Walau bagaimanapun makalah ini tidak berhasrat untuk mengemukakan sesuatu yang muktamad, tetapi percubaan untuk menangani persoalan-persoalan yang sering dibangkitkan. Adalah diharapkan ini akan memulakan satu wacana bagi menghalusi dengan lebih lanjut persoalan-persoalan yang dikemukakan di sini.

### **Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia**

Perlembagaan mempunyai peranan yang penting di dalam pentadbiran negara. Ini kerana, boleh dikatakan semua institusi negara dan kuasa-kuasa yang mereka miliki diperincikan oleh dokumen perlembagaan. Bagaimanapun perlu juga diketahui bahawa tidak ada perlembagaan di dunia ini yang dapat memperincikan segala-galanya secara hitam putih di dalam dokumen tersebut. Sebagai contohnya Perlembagaan Persekutuan Malaysia sendiri tidak menyebut ‘kuasa kerajaan’ atau ‘kuasa Perdana Menteri’ meskipun ini semua sering disebut dan kelihatannya wujud. Fenomena tersebut menyebabkan apa yang dipanggil sebagai amalan, konvensyen atau tradisi perlembagaan itu penting. Inilah sebabnya mengapa sering dikatakan bahawa perlembagaan sebenarnya tidak semuanya ‘bertulis’; ada aspek-aspek tertentu dari perlembagaan itu yang ‘tidak bertulis’.

Dalam senario yang diselubungi oleh ketidakpastian sedemikian, peranan mahkamah menjadi penting. Ini amat dirasakan apabila berlaku pertikaian, mahkamah akan membantu mengenalpasti dan mengesahkan apa yang dianggap amalan atau sebaliknya. Bagaimanapun seperti yang termaklum tidak semua

keputusan mahkamah memberikan penyelesaian; kerap kali juga berlaku keadaan di mana keputusan yang diberi oleh mahkamah menambahkan lagi kekeliruan dan gagal menyelesaikan masalah terutamanya dalam konteks jangka panjang.

Senario tersebut sebenarnya turut relevan dalam perbincangan mengenai kedudukan Islam dalam perlembagaan; sesuatu yang perlu dibahaskan sebelum persoalan mengenai undang-undang jenayah Islam disentuh. Kedudukan agama Islam dan juga status undang-undang Islam di dalam sistem perundangan kita<sup>1</sup> perlu dihalusi sebelum dibincangkan persoalan halangan oleh perlembagaan terhadap pelaksanaan undang-undang Islam, baik yang mengenai jenayah atau apa juga.

Kedudukan Islam di dalam perlembagaan umumnya adalah terbatas. Ini berasaskan kepada peruntukan-peruntukan berkenaan yang cuma mengisyiharkan Islam sebagai agama rasmi<sup>2</sup> tetapi dalam masa yang sama membataskan kedudukan itu.<sup>3</sup> Oleh kerana kita mempunyai dua sistem mahkamah – sivil dan syariah – dan mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa yang terhad. Tanggapan di atas tidak dapat tidak semakin kukuh. Meskipun demikian, kedudukan Islam berbanding dengan agama-agama lain – yang bagaimanapun diberikan hak untuk diamalkan dengan bebas di kalangan penganut mereka – adalah lebih tinggi.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun apakah kedudukan Islam yang dikatakan lebih tinggi ini benar-benar terlaksana masih lagi menjadi perdebatan.

Selain kedudukan Islam dalam perlembagaan, soal sekularisme dan negara Islam juga perlu disentuh. Ada yang berpendapat bahawa falsafah sekularisme yang menjadi ruh perlembagaan menghalang pelaksanaan Islam yang total. Sementara itu ada pula yang melihat negara Islam sebagai prasyarat untuk pelaksanaan Islam yang menyeluruh. Walau apa pun jawapan yang diberikan kepada dakwaan-dakwaan itu, perlembagaan sebenarnya tidak mengandungi walau sepatah pun perkataan ‘sekular’. Sifat ‘sekular’ ini nampaknya disimpulkan berdasarkan kepada sejarah dan sifat keseluruhan perlembagaan. Perlu disebut bahawa cuma Kertas Putih<sup>5</sup> sahaja – sewaktu menyarankan perlunya Islam diletakkan sebagai agama rasmi<sup>6</sup> – yang menyebut perkataan tersebut yang bagaimanapun tidak memberikan pengertian jelas apa yang dimaksudkan dengan ‘sifat sekular persekutuan’.

Kita boleh menghujah bahawa apabila Islam telah diletakkan sebagai agama rasmi atau agama persekutuan, ini dengan sendirinya telah mengurangkan atau menafikan sifat sekular itu sendiri. Mengenai persoalan negara Islam pula pelbagai aspek perlu disentuh. Memandangkan kedudukan Islam dalam perlembagaan sekarang begitu terhad, adalah tidak munasabah untuk mengatakan bahawa negara dalam konteks peruntukan perlembagaan sekarang sudah negara Islam dalam pengertian yang sebenar.<sup>7</sup> Bagaimanapun kalau perlembagaan yang ada ini dipinda atau diubahsuai itu adalah soal yang lain. Mungkin boleh disimpulkan bahawa

negara dan perlembagaan Malaysia sepenuhnya Islam adalah tidak tepat, tetapi hendak dikatakan sekular pun tidak juga.

Penulis berpendapat bahawa pelaksanaan Islam – dalam konteks makalah ini undang-undang jenayah Islam – tidak harus semata-mata bergantung kepada peruntukan di dalam Perkara 3 itu sahaja. Peruntukan tersebut adalah peruntukan umum yang cuba memberi karakter kepada perlembagaan dan pentadbiran negara ini.<sup>8</sup> Persoalan pelaksanaan Islam perlu dilihat dalam konteks perlembagaan secara keseluruhan.<sup>9</sup> Penulis berpendapat bahawa menggunakan peruntukan dalam Perkara 3 untuk menghukum perlembagaan keseluruhannya adalah tidak tepat. Adalah lebih munasabah jika perlembagaan bersama dengan undang-undang dan struktur yang ada keseluruhannya dilihat dan dinilai untuk tujuan itu.

### **Bidang Kuasa Persekutuan dan Negeri-negeri**

Pembahagian kuasa antara pihak berkuasa pusat dan negeri-negeri juga perlu disentuh kerana ia melibatkan soal bidangkuasa ke atas Islam. Seperti yang diketahui umum, persoalan pentadbiran undang-undang jenayah dan keadilan diletakkan di bawah bidang kuasa persekutuan.<sup>10</sup> Sementara itu Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa perkara-perkara berhubung dengan Islam sebagaimana yang terdapat di dalam kerangka perlembagaan sebenarnya berkisar kepada soal-soal undang-undang keluarga.<sup>11</sup> Perlu disebut bahawa ada undang-undang yang membataskan bidang kuasa mahkamah syariah.<sup>12</sup> Apakah kedudukan ini menghalang pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia? Jawabnya tidak. Apa yang ditetapkan oleh perlembagaan ialah bidang berkenaan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa persekutuan. Jadi parlimen dan kerajaan persekutuanlah yang bertanggung jawab mengatur langkah ke arah melaksanakan undang-undang Islam. Ini termasuklah meminda undang-undang yang ada supaya selari dengan Islam dan kemudian melaksanakannya.

Selain itu sering juga disebutkan bahawa Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa perlembagaan tersebut adalah undang-undang tertinggi dan undang-undang lain terbatas sekiranya ia bertentangan dengan undang-undang persekutuan itu.<sup>13</sup> Ini disebut sebagai peruntukan utama yang menghalang pelaksanaan Islam kerana ia tidak merujuk kepada Al-Qur'an dan Sunnah. Bagaimanapun perlu disebut juga bahawa apa yang dikatakan sebagai 'perlembagaan' itu sebenarnya tidak jelas. Dalam banyak hal apakah yang dikatakan 'perlembagaan' itu masih bergantung kepada tafsiran mahkamah. Seperti yang disebutkan di atas, perlembagaan tidak menyebut semua hal secara terperinci dan jelas. Dengan kata lain masih ada ruang

untuk menghujah bahawa peruntukan yang mengisyiharkan perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara itu tidak semestinya mutlak dalam menghalang pelaksanaan undang-undang Islam.

Dengan demikian boleh dikatakan bahawa perlembagaan tidak semestinya menghalang pelaksanaan undang-undang jenayah Islam. Sekiranya pihak berkuasa persekutuan mahu mengambil tindakan ke arah itu, undang-undang jenayah Islam boleh dilaksanakan di dalam kerangka yang ada sekarang. Pihak berkuasa negeri boleh melaksanakan undang-undang berkenaan, tetapi ini memerlukan pindaan perlembagaan bagi (a) meminda perlembagaan dan mengecualikan jenayah di bawah undang-undang Islam dari bidang kuasa persekutuan dan (b) menaikkan atau mengubahsuai undang-undang yang membataskan bidang kuasa mahkamah syariah tadi. Kesemua ini tidak terlalu sukar kerana pihak yang memerintah mempunyai majoriti yang cukup di parlimen.

Manakala pindaan-pindaan lain yang melibatkan undang-undang selain daripada perlembagaan seperti Akta Mahkamah Keadilan 1964, Kanun Kesiksaan, Kanun Acara Jenayah, Akta Keterangan 1950 dan seumpamanya perlu dilakukan. Apa yang penting dalam soal pelaksanaan undang-undang Islam ialah usaha yang teratur dan konsisten ke arah menyediakan persekitaran perundangan yang sesuai dan kondusif untuk pelaksanaan undang-undang itu. Malangnya ini tidak berlaku dan setakat ini tidak nampak tanda-tanda yang perubahan ke arah memudahkan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam itu berlaku di peringkat persekutuan.

Ada pihak yang menghujah bahawa langkah-langkah seperti yang dicadangkan di atas sukar dilakukan kerana perlembagaan negara bersifat sekular dan dengan demikian setiap perubahan yang menuju ke arah Islam akan dicabar di mahkamah. Seperti yang dihujahkan di atas, perlembagaan negara tidak jelas bersifat sekular. Apa yang didakwa sebagai sifat sekular itu adalah kesimpulan yang dibuat berdasarkan wujudnya beberapa peruntukan tertentu di samping beberapa keputusan mahkamah.<sup>14</sup> Hujah-hujah yang mendakwa sifat sekular perlembagaan itu sebenarnya tidak muktamad. Dalam pada itu, kita telah menyaksikan begitu banyak undang-undang yang diluluskan bagi membolehkan pelaksanaan Islam termasuk Akta Bank Islam 1983 dan seumpamanya. Perlembagaan Malaysia dan juga undang-undang yang diluluskan oleh parlimen umumnya bolehlah disifatkan sebagai kerangka yang bersifat praktikal dan menerima apa sahaja pengisian asalkan ia memenuhi syarat dan prosedur yang ditetapkan. Setakat ini kita menerima undang-undang yang sumbernya pelbagai: England, Australia dan lain-lain. Undang-undang kita tidak bersifat ideologikal dan dengan itu apa sahaja sumber, sama ada Kristian, Islam dan seumpamanya boleh menjadi sumber dan inspirasi asalkan ia mempunyai bidang kuasa dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi.

Dari sudut yang lain kita boleh membuat analogi tentang perlembagaan sebagai dokumen yang cuba melaksanakan semangat dan tuntutan demokrasi. Bagaimanapun seperti yang termaklum parlimen kita sudah meluluskan pelbagai jenis undang-undang yang semangat dan pelaksanaannya bertentangan dengan demokrasi. Ini dijustifikasikan dengan pelbagai alasan termasuk ketenteraman awam, keselamatan dan seumpamanya. Ini semua menyebabkan dakwaan yang menudung jari kepada perlembagaan sebagai halangan kepada pelaksanaan Islam tidak begitu meyakinkan. Kalau perlembagaan - sebagaimana yang disebut oleh Suruhanjaya Reid – yang hendak mendaulatkan demokrasi boleh menerima undang-undang yang anti demokrasi mengapa perlembagan tidak boleh menerima Islam yang tidak ditentangnya secara jelas?

### **Contoh-contoh Bagaimana Perlembagaan Telah Dilanggar**

Penulis mengambil pendekatan yang melihat pengajian perlembagaan sebagai sesuatu yang bersepada; yang tidak dapat lari dari pengaruh dan tekanan politik. Pendekatan ini diambil kerana undang-undang tidak dapat lari daripada pengaruh ideologi dalam proses pembuatan dan pelaksanaannya.

Di atas tadi, telah disebut beberapa dakwaan yang mengatakan bahawa perlembagaan menjadi batu penghalang kepada pelaksanaan undang-undang jenayah Islam. Penulis berpendapat bahawa perlembagaan boleh diubahsuai untuk memastikan kesesuaianya dengan keperluan dan kehendak zaman. Asal sahaja proses ini dilakukan dengan memenuhi prosedur yang ditetapkan,<sup>15</sup> di samping mengambil kira kepentingan dan kesan yang mungkin timbul apabila dilakukan.

Pindaan perlembagaan telah banyak kali dilakukan.<sup>16</sup> Sebahagian daripada pindaan-pindaan itu menyalahi semangat dan tuntutan perlembagaan khususnya dan demokrasi umumnya. Sebab itu penulis berasa agak hairan mengapa soal halangan dibangkitkan apabila soal pelaksanaan perundangan Islam disebut, sedangkan dalam beberapa kesempatan yang lalu perlembagaan dilentur dan dilanggar hanya untuk mengizinkan kehendak dan keutamaan pihak yang memegang kuasa.

Antara pindaan-pindaan yang kesahannya meragukan sehingga hari ini ialah pindaan terhadap kedudukan dan kuasa Raja-Raja sebagaimana yang berlaku dalam beberapa krisis perlembagaan pada 1983,<sup>17</sup> 1993<sup>18</sup> dan 1994.<sup>19</sup> Semua kontroversi ini berpunca daripada pindaan-pindaan yang cuba membataskan dan mengambil kuasa Raja-Raja. Dari sudut perlembagaan, ini semua perlu dilakukan hanya dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Bagaimanapun persetujuan itu didapati secara paksa – melalui serangan di dalam media dan rapat-rapat umum mengutuk Raja-Raja atau diketepikan terus sebagaimana yang berlaku pada 1994.

Kemudian kita menyaksikan bagaimana semangat dan prinsip perlembagaan mengenai perkhidmatan awam dilanggar dan diketepikan melalui akujanji. Pengakuan yang dipaksakan ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam ini jelas melanggar kehendak perlembagaan yang menuntut supaya anggota-anggota perkhidmatan awam berkecuali.<sup>20</sup> Apa yang lebih menjolok tentang akujanji ini ialah ia dilakukan tanpa sebarang undang-undang: pihak kerajaan, yakni eksekutif, mengeluarkan arahan dan sekaligus ugutan terhadap kakitangan awam supaya menandatangani akujanji berkenaan. Ini jelas mencabul hak anggota-anggota perkhidmatan awam di samping meletakkan mereka di dalam dilemma: akujanji ini mempunyai kesan membentuk sindrom takut di kalangan kakitangan awam dan boleh menyebabkan mereka mematuhi perintah kerajaan meskipun perintah kerajaan itu menyalahi perlembagaan dan undang-undang.

Itulah sebenarnya nilai dan kedudukan perlembagaan di dalam pentadbiran negara. Tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa perlembagaan hanya diambilkira sekiranya implikasinya menguntungkan pihak yang memegang kuasa. Contoh-contoh di atas cukup menggambarkan betapa fenomena tersebut begitu dominan sekarang.

### **Formula Penyelesaian: Cadangan dan Renungan**

Setelah diketahui sedikit sebanyak sifat dan jenis halangan kepada pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia, bolehlah dicadangkan beberapa langkah untuk mengatasinya.

Mengenai halangan yang terdapat di dalam perlembagaan, penulis berpendapat bahawa apa yang dikatakan sebagai halangan itu adalah tidak mutlak. Dengan kata lain ia boleh diatasi sama ada dengan cara mentafsirkan peruntukan-peruntukan yang dianggap menghalang secara yang selaras dengan kehendak Islam atau meminda peruntukan-peruntukan tersebut sekiranya pendekatan melalui tafsiran yang mesra-Islam itu tidak dapat dilakukan atau terlalu lambat. Bagaimanapun cara ini juga belum pasti dapat menyelesaikan masalah kerana sebagaimana yang dimaklumi pindaan perlembagaan yang dibuat untuk menghalang campurtangan mahkamah sivil ke atas mahkamah syariah masih belum terlaksana sepenuhnya sehingga sekarang.<sup>21</sup> Ini berpunca daripada sikap sebahagian daripada hakim-hakim yang enggan mematuhi kehendak peruntukan yang jelas menggambarkan maksud parlimen itu.<sup>22</sup> Kelihatannya para hakim mengambil sikap yang bebas dan kreatif apabila dihadapkan dengan soal-soal Islam<sup>23</sup> dan negeri, tetapi mengambil pendekatan harfiah dan konservatif dalam soal-soal hak asasi.<sup>24</sup>

Walaupun sebahagian daripada formula penyelesaian ini kelihatannya bersifat

undang-undang – yakni meminda peruntukan-peruntukan yang menghalang tadi – ini tidak dapat lari daripada faktor politik kerana inilah sebenarnya yang memulakan dan menyambung proses yang kelihatannya lebih bersifat undang-undang itu. Sekiranya kemahuan politik tidak wujud atau lemah, tidak mungkin sesuatu inisiatif itu akan bermula apatah lagi membawa hasil. Mengenai sikap hakim pula, ia juga mempunyai kaitan dengan politik kerana para hakim akan mengambil iktibar dan isyarat daripada apa yang berlaku di sekeliling mereka. Sekiranya kepemimpinan politik tidak menunjukkan semangat yang kuat, agar sukar mengharapkan perubahan yang signifikan dan mendasar di mahkamah. Tetapi fenomena ini sebenarnya bukan sesuatu yang unik dan hanya berlaku di Malaysia sahaja: di Amerika Syarikat sendiri ia telah berlaku di mana apabila perubahan di peringkat kepemimpinan negara, perubahan pendekatan yang diambil oleh badan kehakiman kemudiannya kelihatan.<sup>25</sup> Ini tidak memerlukatkan kerana di mana-mana pun para hakim pada hakikatnya dilantik oleh orang politik.<sup>26</sup>

Sebab itulah, sama seperti soal-soal yang lain juga pada analisis terakhirnya apa yang sebenarnya menjamin pelaksanaan Islam ialah apabila kuasa pemerintahan di peringkat persekutuan berada di tangan orang-orang yang komited dengan ajaran Islam. Tetapi melihat kepada senario yang ada di hadapan kita, ini tidak mudah untuk berlaku. Selain itu mungkin perlu juga diperingatkan bahawa kuasa politik – meskipun ia menjamin bahawa persekitaran dan undang-undang yang kondusif wujud – semata-mata tidak mencukupi. Mungkin hubungan antara kuasa politik dengan jentera pelaksana perlu dilihat begini: sekiranya kuasa politik berada di tangan orang-orang yang komited kepada ajaran Islam, itu dengan sendirinya menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada rakyat telah komited dengan ajaran Islam kerana hanya pengundi yang seperti itu sahaja yang akan meletakkan orang-orang yang seperti mereka di tumpuk kuasa. Masalah kita sekarang ialah rakyat terbanyak sendiri masih kabur dan terkapai-kapai apabila persoalan pelaksanaan Islam dibangkitkan. Nampaknya mereka tidak boleh diharapkan untuk menukar pemerintahan kepada yang lebih mesra dan simpati kepada Islam. Ini diburukkan lagi oleh kewujudan media yang berat sebelah.

Itu menimbulkan keperluan dakwah dan penerangan yang lebih meluas. Tetapi ini tidak mudah dilakukan kerana selain wujudnya halangan dan sekatan, usaha-usaha sedemikian juga memerlukan kepakaran dan kewangan yang bukan sedikit. Usaha-usaha sedemikian juga perlu dijalankan secara berterusan dan ini menekankan kepentingan kuasa politik juga.

## **Kesimpulan dan Penutup**

Apa yang jelas setakat ini ialah bahawa segala-galanya semacam bergantung kepada kemauhan politik. Dengan kata lain bukan semua yang didakwa sebagai masalah itu adalah *real* dan bersifat undang-undang. Dan mungkin boleh dikatakan bahawa hatta di dalam hal-hal yang bersifat perundangan sekalipun – sebagaimana yang terbukti dalam krisis dan inisiatif setakat ini – faktor politik tetap wujud dan relevan; dan faktor ini memberi pengaruh; sama ada untuk memperkuuh atau sebaliknya.

Apa yang didakwa sebagai halangan itu juga tidak bersifat mutlak. Halangan boleh diatasi sekiranya kita benar-benar serius dalam melaksanakan hukum Islam. Jika kita merenung kembali krisis-krisis dan masalah-masalah yang telah berlaku selama ini agak jelas betapa apa yang dikatakan halangan kepada pelaksanaan Islam itu pada hakikatnya tidak wujud. Kalau ia wujud sekalipun ia sebenarnya boleh diatasi sebagaimana yang berlaku di dalam krisis-krisis itu. Sekiranya kita benar-benar serius untuk mematuhi perlembagaan kita seharusnya konsisten dan tidak menggunakan perlembagaan untuk menghalang pelaksanaan hal-hal yang sah dan munasabah.

Tetapi walau apa pun kenyataan dan hakikatnya, debat terbuka mengenai pelaksanaan undang-undang jenayah Islam khususnya dan undang-undang Islam yang lain umumnya harus dimula dan diteruskan. Ia perlu ditangani dengan lebih komprehensif. Soal pelaksanaan hukum Islam tidak harus ditangani dari sudut syariah dan akidah semata-mata tetapi juga dari sudut sejarah dan falsafah. Dimensi-dimensi ini sangat penting kerana undang-undang tidak wujud dalam sebuah vakum, sebaliknya undang-undang adalah merupakan sebahagian yang penting dan mendasar dasar kepada sesebuah tamadun.

## Nota Hujung

1. Untuk tinjauan lanjut lihat, umpamanya, Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997. Lihat juga Mahamad Ariffin, "Islam dalam Perlembagaan Persekutuan" dalam Ahmad Ibrahim *et al*, *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hh. 99-134.
2. Lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(1): Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.
3. *Ibid*, Perkara 3(4): Tiada apa-apa dalam Perkara ini mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.
4. Lihat, *ibid*, Perkara 12(2). Lihat juga keputusan Mahkamah Tinggi Seremban dalam kes *Meor Atiqubrahim bin Ishak & Ors v Fatimah bte Sih & Ors* [2000] 5 MLJ 375, 382B-C.
5. *Federation of Malaya Constitutional Proposals 1957*, London: HMSO, 1957, Cmnd. 210, para. 58, hal. 20.
6. Laporan asal yang ditulis oleh Suruhanjaya Reid (lihat *Report of the Federation of Malaya Constitution Commission 1957*, para. 169, hal. 73) tidak membuat apa-apa syor mengenai Islam: lihat Ahmad Ibrahim, "Islam in the Malaysian Constitution" dalam Suffian, Lee & Trindade (eds), *The Constitution of Malaysia – Its Developments 1957-77*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hh. 41-68.
7. Lihat risalah tulisan Dato' Wan Zahidi Wan Teh, *Malaysia adalah sebuah Negara Islam* (Kementerian Penerangan Malaysia, 2001).
8. Lihat kes *Che Omar bin Che Soh v PP* [1988] 2 MLJ 55 dan ulasannya oleh LA Sheridan, "Islam as the Religion of the Federation" [1988] 2 MLJ xiii. Lihat juga buku beliau *The Federation of Malaya Constitution: Text, Annotation and Commentary* (Singapore: University of Malaya Press, 1961), hal. 4.
9. Lihat Abdul Aziz Bari, "Pelaksanaan Islam melalui Kerangka Perlembagaan dan Perundangan Malaysia – Masalah dan Potensinya", *Jurnal Undang-undang IKIM*, Jil. 3, Bil. 2, 1999, hh. 83-105.
10. Lihat Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 1 - Senarai Persekutuan; butiran 4 yakni "Undang-undang dan acara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan....."
11. *Ibid*, Senarai 2 - Senarai Negeri butiran 1.
12. Yakni Akta Mahkamah Syariah 1965, yang dipinda pada 1984. Di bawah statut ini mahkamah syariah hanya boleh menjatuhkan hukuman tidak melebihi 3 tahun penjara, denda tidak melebihi RM5,000 dan sebat tidak melebihi 6 sebatan: lihat Abd. Jalil Borhan, "Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah dan bidang kuasanya di Malaysia" dalam Ahmad Hidayat Buang (pnyt), *Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian

Islam, 1998, hh. 24-30.

13. Lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4(1).
14. Seperti kes *Che Omar bin Che Soh* tadi. Tetapi bandingkan dengan kes *Meor Atiqulrahman*, yang meskipun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi ia mengemukakan penghujahan yang lebih kukuh dan meyakinkan: lihat komen terhadap kes ini dalam Abdul Aziz Bari, "Islam in the Federal Constitution – A Commentary on the decision in *Meor Atiqulrahman*", [2002] 2 *MLJ* cxxix.
15. Teori ini berdasarkan kepada beberapa kes mahkamah termasuk *Phang Chin Hock v Public Prosecutor* [1980] 1 *MLJ* 70 dan *Mark Koding v Public Prosecutor* [1983] 1 *MLJ* 111.
16. Pindaan mempunyai empat prosedur yang berbeza: (i) majoriti mudah, (ii) majoriti dua pertiga, (iii) majoriti dua pertiga dan persetujuan Majlis Raja-Raja dan (iv) majoriti dua pertiga dan persetujuan Yang di Pertua Negeri Sabah dan Sarawak. Perlembagaan bagaimanapun tidak menyebut peruntukan mana yang memerlukan prosedur yang berbeza ini.
17. Kontroversi ini berkisar kepada pindaan kepada kuasa perkenan dan mengisyiharkan darurat oleh Yang di Pertuan Agong. Ia diselesaikan dengan satu kompromi: memberi Yang di Pertuan Agong kuasa memulangkan rang undang-undang ke dewan asalnya dan menarik balik cadangan pindaan ke atas kuasa mengisyiharkan darurat.
18. Krisis ini berpunca dari pindaan kepada imuniti Raja-Raja. Ia diluluskan (yang anehnya dibuat melalui kuasa Yang di Pertuan Agong memulangkan rang undang-undang ke dewan asalnya) dan sebuah mahkamah khas ditubuhkan untuk Raja-Raja untuk menangani masalah yang timbul.
19. Pindaan ini membolehkan parlimen mengetepikan Yang di Pertuan Agong – yang sebenarnya adalah intipati kepada pindaan asal yang mencetuskan krisis pada 1983. Pindaan 1994 tidak dibawa kepada Majlis Raja-Raja meskipun ia melanggar Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan.
20. Untuk gambaran lebih lanjut lihat Abdul Aziz Bari, *Cabinet Principles in Malaysia – The Law and Practice*, edisi kedua, Kuala Lumpur: The Other Press, 2002, hh. 90-98.
21. Yakni pindaan ke atas Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan pada 1988. Untuk gambaran lanjut lihat, umpamanya, "The State List and the Jurisdiction of Syariah Courts – The Jurisdictional Conflict continues", *IIUMLJ*, 1999, Jil. 7, Bil. 1, hh. 41-53.
22. Lihat, umpamanya, keputusan oleh Eusoff Chin KHN dalam kes *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Ketua Pengarah Penjara, Malaysia & Anor* [1999] 2 *MLJ* 241
23. Lihat Abdul Aziz Bari, "Murtad dalam konteks Kebebasan Beragama di Malaysia", *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Jil. 3, 1999, hh. 54-70.
24. Lihat Abdul Aziz Bari, 'Kebebasan dan Hak Asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan – Satu Analisis Umum", *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Jil. 4,

2000, hh. 87-108.

25. Untuk gambaran lebih lanjut lihat, umpamanya, John Agresto, *The Supreme Court and Constitutional Democracy*, Ithaca & London: Cornell University Press, 1984.
26. Lihat Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia – Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hh. 121-28.